



GARIS PANDUAN LESEN MINUMAN KERAS / LIQUOR

1. Aktiviti hanya dibenarkan beroperasi di kawasan perniagaan.
2. Premis perniagaan hendaklah berada di luar radius 200 meter daripada kawasan kediaman, pusat ibadah, sekolah dan bangunan kerajaan.
3. Tidak dibenarkan beroperasi di kawasan yang majoritinya adalah penduduk Islam.
4. Dilarang menjual minuman keras kepada pelanggan yang berumur 18 tahun kebawah dan yang beragama Islam.
5. Pekerja dipremis perniagaan hendaklah berumur 21 tahun ke atas.
6. Waktu operasi adalah sehingga pukul 12:00 tengah malam sahaja. Walaubagaimanapun operasi boleh dilanjutkan sekiranya mendapat kelulusan / kebenaran daripada Lembaga Pelesenan Daerah Hulu Langat.
7. Hendaklah menyediakan alat mencegah kebakaran yang mencukupi.
8. Menyediakan kotak '*First Aid*' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.
9. Pemilik premis yang menjalankan aktiviti menjual minuman keras hendaklah memastikan pelanggan-pelanggan tidak minum minuman keras di hadapan premis ataupun ditempat yang terbuka.
10. Memaklumkan kepada pihak MPKj sekiranya telah berpindah / bertukar hakmilik / tidak lagi menjalankan perniagaan.
11. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa MPKj dari semasa ke semasa.
12. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna (MGB 240 Liter / MGB 660 Liter) bagi premis perniagaan .
13. Tidak dibenarkan membina sebarang struktur tambahan bangunan sama ada di dalam atau luar premis perniagaan tanpa mendapat kelulusan daripada pihak Majlis.
14. Menyediakan notis :-
 - i. Dilarang Merokok
 - ii. Pelajar yang berpakaian seragam sekolah dilarang masuk
 - iii. Waktu Operasi
15. Tindakan yang tegas akan diambil sekiranya pengusaha didapati menjalankan aktiviti perniagaan yang kurang sihat.



16. Perniagaan hendaklah diuruskan secara profesional dan pengurus perlu mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini.
17. Lesen perniagaan hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat.
18. Pihak MPKj berhak menarik balik lesen perniagaan dan mengarahkan premis perniagaan ditutup sekiranya didapati pengusaha perniagaan melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.